

KRE-O BUKAN LEGO!

ANALISA RINGKAS PERKEMBANGAN & REKABENTUK

Ar-Rayyan Fikri Fadli Fizari¹, Irhamna Fikri Fadli Fizari¹, Azlina Mat Saad² dan Fadli Fizari Abu Hassan Asari³

¹Sekolah Tengku Budriah, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

darulamanku@yahoo.com

²Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia.

linasaad139@yahoo.com

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia.

fizari754@yahoo.com

ABSTRAK

Kre-O merupakan percubaan kedua Hasbro dalam memecahkan monopoli Lego, dalam industri permainan berasaskan blok. Menerusi kerjasama dengan syarikat permainan blok Korea, Oxford; siri-siri berasaskan jenama terkenal seperti Transformers, G.I. Joe dan Star Trek telah dihasilkan. Justeru, kertas kerja ini menerangkan secara ringkas tentang keistimewaan Kre-O berbanding Lego dari segi rekabentuk asas dan kompleks. Juga, sejarah perkembangan Kre-O sebagai alternatif kepada Lego. Turut difokuskan, bagaimana siri dominan Kre-O iaitu Transformers bertahan selama tujuh tahun. Diharapkan kertas kerja ini mampu menjadi asas kepada penyelidikan yang lebih menyeluruh berkaitan industri permainan yang bernilai billion USD.

Katakunci: *Hasbro, Kre-O, Lego, Permainan blok, Rekabentuk*

1.0 PENGENALAN

Terdapat tiga syarikat besar permainan di seluruh dunia; Lego, Hasbro dan Mattel (Mendez, 2019; Coleman, 2019). Jika Lego mengkhusus dalam permainan berasaskan blok, Hasbro dan Mattel pula mengeluarkan pelbagai jenis permainan, dari permainan papan (board game) sehinggalah ke figura aksi (action figure) (Hansen, 2016). Persaingan sengit antara ketiga-tiga syarikat ini menyebabkan ada yang cuba menembusi pasaran syarikat yang lain. Diantaranya Mattel yang mengeluarkan Mega Block bagi mengatasi Duplo iaitu produk Lego bersaiz besar yang biasanya dimainkan kanak-kanak berumur 1-5 tahun (Schmidt, 2015). Hasbro pula lebih terkedepan melalui dua percubaannya dalam mengeluarkan permainan seakan-akan dan boleh dimainkan bersama Lego yang dinamakan Kre-O. Ini menjadikan Kre-O sebagai pesaing rapat kepada Lego, berbanding Mega Block keluaran Mattel. Ianya juga sesuatu yang menarik untuk dibincangkan memandangkan industri permainan adalah merupakan industri global yang mempunyai nilai jualan berjumlah USD89 bilion bagi tempoh 2007-2017 (Statista, 2019). Justeru, Kre-O yang dikeluarkan Mattel menjadi subjek utama kajian bagi kertas kerja ini.

1.1 OBJEKTIF

Permasalahan yang terlibat adalah mengenai kemampuan Kre-O dalam menandingi produk-produk Lego yang telah lama mendominasi permainan berasaskan blok, terutamanya dari segi rekabentuk permainan. Justeru, bagi lebih memahami perkara ini, kertas kerja ini ditulis bagi membincangkan secara ringkas tentang keunikan produk Kre-O, meliputi keistimewaan bagi rekabentuk asas dan rekabentuk kompleks yang dilakukan, berbanding Lego. Terdahulu, perkembangan Kre-O serta kemampuannya dalam bertindak sebagai barang pengganti dan penggenap kepada Lego turut dibincangkan. Kebanyakan isi perbincangan juga memfokus kepada siri Transformers, memandangkan ianya siri yang dominan dan bertahan selama tujuh tahun (2011-2017) dalam sejarah pengeluaran Kre-O.

1.2 PERKEMBANGAN KRE-O

Hasbro mengeluarkan produk yang sepadan dan boleh dimainkan bersama Lego. Ini bermaksud, saiz karakternya yang hampir sama, kepadanan untuk lekatan dengan karakter dan aksesori Lego serta

boleh dilekatkan pada papan yang sama. Kerana itu, peringatan tertulis “works with major brands” tertampal pada siri-siri awal produk ini (Rajah 1). Percubaan kali pertama adalah pada tahun 2003, dengan produk dinamakan Built to Rule. (Rajah 2). Ianya hanya mampu bertahan untuk dua siri sahaja iaitu Transformers: Armada dan G.I. Joe, seperti yang dinyatakan oleh Griffin-of-oz (2014). Sumber yang sama juga menyatakan yang siri Transformers: Armada mempunyai kualiti plastik yang rendah dan sendi mudah tercabut. Ini mungkin penyebab mengapa percubaan pertama ini tidak berjaya.



Rajah 1: Peringatan tertulis “works with major brands” di bahagian depan (bawah) kotak
Sumber: Buildinguptosomething (2017)



Rajah 2: Siri Transformers: Armada di bawah jenama Built to Rule
Sumber: Griffin-of-oz (2014)

Percubaan kali kedua pula adalah pada tahun 2011, dengan mengeluarkan apa yang dikenali sebagai Kre-O. Karakter utamanya adalah Transformers di samping karakter-karakter lain seperti Star Trek, G.I. Joe, Cityville, Dungeons & Dragons, Battleship dan Trolls. Ini dapat dilihat pada Rajah 3, yang mempamerkan tiga siri bagi Kre-O dalam tahun 2013, berdasarkan Hasbro's Investor Report 2013 (Cochran, 2013). Kerjasama dengan syarikat pembuatan mainan blok dari Korea, Oxford ini berjaya bertahan selama tujuh tahun.



Rajah 2: Tiga siri Kre-O tahun 2013
Sumber: Cochran (2013)

Dari pandangan ekonomi, Kre-O pada awalnya memasuki pasaran sebagai barang penggenap yang boleh dimainkan bersama Lego. Ini bagi memastikan agar kegagalan yang pertama (merujuk pada Built to Rule) tidak berulang. Lebih-lebih lagi ada di antara siri dalam Kre-O yang baru ini diasaskan oleh Hasbro dan bukannya dari siri tv / filem terkenal. Sebagai contoh, Cityville Invasion. Dalam masa yang sama, ianya memberikan pilihan kepada para pengumpul permainan blok supaya tidak terikat kepada Lego dan beralih arah kepada jenama yang lain. Lego juga memonopoli hampir kesemua siri tv / filem dan watak-watak terkenal di bawah jenama Disney, Marvel dan DC. Harus diingatkan juga yang Lego memfokuskan kepada permainan blok, seawal tahun 1949 (Lego, 2014). Ini menyebabkan Hasbro perlu lebih berhati-hati dalam memasuki pasaran permainan blok pada kali ini.

Bagaimanapun, keadaan semakin berubah apabila Hasbro berjaya mengeksploitasikan kekuatan jenama Transformers. Transformers merupakan karakter robot yang boleh berubah kepada kenderaan, dan sebaliknya. Dikeluarkan dalam bentuk siri kartun bermula pada 1984, Transformers kini telah diadaptasikan ke layar perak dengan sebanyak lima buah filem (Transformers 1 – 5) dan sebuah spin-off filem pada 2018 bertajuk Bumblebee (Owen, 2018). Penayangan ini disertai dengan penjualan figura aksi dan produk-produk sampingan seperti pakaian, alatulis dan lain-lain lagi produk di seluruh dunia, termasuklah Kre-O. Kemuncaknya adalah pada tahun 2014, apabila Kre-O berjaya mengeluarkan siri Transformers 4: Age of Extinction bersempena dengan penayangan filem blockbuster berkenaan.

Kre-O yang selama ini terkenal sebagai barang penggenap, telah mula berubah kepada barang pengganti kepada Lego, biarpun terhad pada skala yang kecil. Set Kre-O yang berlatarbelakangkan filem berkenaan telah dikeluarkan dan menjadi rebutan hangat peminat mainan blok seluruh dunia. Lebih menarik perhatian, francais ke empat filem ini menampilkan watak-watak dinosaur dari generasi pertama (G1) seperti Grimlock, Scorn dan Slug yang berjaya diubahkan ke dalam bentuk permainan blok (Rajah 4). Jika sebelum ini ianya dimainkan bersama Lego, kali ini ianya bersifat *stand-alone* kerana kekuatan jenama Transformers. Lebih-lebih lagi, Kre-O Transformers adalah di antara mainan blok yang masih kekal hakciptanya di bawah Hasbro dan belum lagi beralih tangan kepada Lego.



Rajah 4: Watak Grimlock generasi pertama (G1) dalam siri Kre-O
Sumber: Opentheto (2015)

1.3 REKABENTUK KRE-O

1.3.1 Rekabentuk Asas

Umumnya, keunikan bagi rekabentuk asas Kre-O boleh dibahagikan kepada tiga iaitu sendi, kepala dan badan. Setiap elemen yang dibincangkan mempamerkan inovasi yang telah dilakukan Kre-O berbanding Lego. Penerangan terperinci adalah dalam sub-topik di bawah.

1.3.2 Sendi


Sendi ini melibatkan sambungan badan ke kaki dan juga tangan. Jika dicabutkan kaki dan tangan dari badan figura, terdapat perbezaan yang ketara. Lego hanya mempunyai sendi statik berbentuk punat (stud) yang dilekatkan secara terus kepada lubang di badan sesuatu karakter. Ini menyebabkan pergerakan kaki dan tangan yang terhad, iaitu ke depan dan belakang sahaja. Dalam masa yang sama, Kre-O mempunyai sendi seakan-akan sendi manusia iaitu bulat dan boleh dilekatkan ke soket yang berada pada karakter. Ini membolehkan pergerakan tangan dan kaki yang bersifat 360 darjah dan sama seperti manusia. Ini memberikan pergerakan yang lebih kepada figura Kre-O berbanding Lego. Kesemua perbezaan ini ditunjukkan dalam Rajah 5 bagi sendi tangan dan Rajah 6 bagi sendi kaki.

1.3.3 Kepala


Terdapat perbezaan ketara bagi bentuk kepala bagi kedua-dua jenama ini. Lego mempunyai bentuk kepala yang lebih bulat dan sama bagi bahagian depan dan belakang. Bagi Kre-O pula, bahagian muka mempunyai bentuk rahang yang bersambung dengan dagu. Ini memberikan imej karakter yang lebih tegas (sado) dan serius berbanding Lego. Bahagian belakang kepala pula masih sama seperti Lego, dan kesemua ini ditunjukkan dalam Rajah 7.

1.3.4 Badan


Bahagian badan Lego adalah kecil di atas dan semakin besar di bahagian perut. Bagi Kre-O pula, potongan badan adalah sama dan sekata. Bagi penyambungan di antara bahagian badan dan kaki terdapat jumlah punat (stud) yang berbeza. Lego mempunyai dua punat (stud) penyambung, manakala Kre-O hanya mempunyai satu punat (stud). Ini menyebabkan figura Kre-O lebih fleksibel dan boleh dipusingkan sepenuhnya. Dalam masa yang sama, badan pada figura Lego bersifat statik sama sekali. Ini dipamerkan dalam Rajah 8.



Rajah 5: Perbandingan di antara sendi tangan Lego dan Kre-O



Rajah 6: Perbandingan di antara sendi kaki Lego dan Kre-O



Rajah 7: Perbandingan kepala Lego dan Kre-O



Rajah 8: Perbandingan di antara badan Lego dan Kre-O

1.4 Rekabentuk Kompleks

Dalam persaingan dengan Lego, Kre-O telah tampil dengan beberapa pembaharuan yang membuatkan ianya unik. Di antaranya adalah penukaran, gabungan, kustomisasi (customisation), figura mini dan teknologi gerakan bunyi (sonic motion technology).

1.4.1 Penukaran

Kebanyakan set Lego terhad kepada satu rekabentuk bagi setiap pembelian, kecuali Lego Creator yang boleh mempunyai sehingga 3 jenis rekabentuk (Rajah 9). Manakala majoriti Kre-O pula boleh mempunyai dua rekabentuk pada masa berbeza. Sebagai contoh, set Autobot Ratchet yang dikeluarkan pada 2011. Ianya boleh dipasang sebagai robot, sebelum dileraikan dan dipasang semula sebagai sebuah ambulan (Rajah 10). Model ini mempunyai komponen-komponen kecil sejumlah 187 unit. Contoh lain adalah Optimus Prime yang boleh bertukar sama ada sebagai sebuah robot atau sebuah trailer panjang.



Rajah 9: Di antara contoh Lego Creator
Sumber: Unclepetestoys (2018)



Rajah 10: Autobot Ratchet dari siri Create It
Sumber: Thismamaloves (2011)

Penukaran ini dinaiktaraf pada tahun 2014, dikenali sebagai siri Battle Changer. Edisi ini membolehkan sesuatu robot ditukar kepada kenderaan dan sebaliknya, tanpa perlu blok-blok berkenaan dilaraikan satu persatu. Caranya adalah dengan melipatkan robot atau kenderaan itu mengikut arahan yang diberikan. Proses transformasi ini mengambil masa kurang dari lima minit. Ini menjimatkan masa peminat-peminat blok dan mengurangkan kemalasan untuk memasang dan meleraikannya secara kerap. Contohnya adalah di Rajah 11, bila mana karakter Bumblebee boleh bertukar dari robot ke kenderaan dan sebaliknya dalam masa yang singkat.



Rajah 11: Siri Battle Changer (Bumblebee)
Sumber: Toys.tfw2005 (2014)

1.4.2 Gabungan

Keunikan lain pula ialah apabila robot-robot kecil dengan karakter mereka yang tersendiri boleh digabungkan sebagai sebuah robot besar. Contohnya Construction Devastator dari siri Micro Changers Combiners. Robot besar ini gabungan dari empat robot kecil jentera berat seperti jentolak, jengkaut, lori simen dan lori tanah. Karakter yang sama ini juga, pernah muncul dalam filem Transformers 2: Revenge of the Fallen. Ini pastinya meningkatkan lagi permintaan terhadap model seperti ini. Ianya boleh dirujuk dari

Rajah 12.



Rajah 12: Construction Devastator dari siri Micro Changers Combiners
Sumber: Tfwiki (2012)

1.4.3 Kustomisasi (Customisation)

Ciri ini membolehkan para peminat permainan blok menggunakan imaginasi dan kreativiti mereka untuk mempelbagaikan jenis sut, aksesori dan senjata pada setiap karakter. Contohnya watak Cliffjumper dari siri Custom Kreon yang mempunyai sebanyak 46 komponen dan boleh mempunyai sebanyak 16 kombinasi yang berbeza-beza. Majoriti robot dan aksesori yang dibekalkan dalam siri ini juga adalah dari jenis lutsinar dan berbeza dari siri-siri yang lain. Ini dipaparkan dalam Rajah 13.



Rajah 13: Cliffjumper dari siri Custom Kreon
Sumber: Lmb3 (2014)

1.4.4 Figura Mini

Figura mini adalah karakter yang saiznya separuh dari karakter Kre-O yang lain. Contohnya seperti siri Cityville Invasion. Tangannya mempunyai sendi sama seperti Lego. Sepasang kakinya pula digabungkan menjadi satu. Badan dan kaki digabungkan hanya dengan satu punat (stud), juga sama seperti Lego. Kesemua ciri-ciri ini ditunjukkan dalam Rajah 14. Ini menjadikannya lebih comel dan diminati kanak-kanak. Dalam masa yang sama, tujuan yang mungkin adalah untuk penjimatan kos. Saiz yang lebih kecil, bermakna lebih banyak karakter yang boleh dijual dalam satu kotak. Ini penting kerana Cityville Invasion misalnya, berkaitan dengan satu bandar dan karakter yang pelbagai. Di antara karakter-karakter yang berkenaan adalah seperti pegawai bomba, askar, polis, pegawai bank dan orang awam, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 15.



Rajah 14: Rekabentuk figura mini (sebelum dan selepas percantuman)



Rajah 15: Di antara karakter dalam siri Cityville Invasion

1.4.5 Teknologi Gerakan Bunyi (Sonic Motion Technology)

Teknologi ini menggunakan gelombang bunyi yang dijana menggunakan tiga (3) bateri bersaiz AAA. Apabila teknologi ini diaktifkan, ianya akan menghasilkan gelombang bunyi yang ditutupi dengan bunyian seperti ombak lautan, tetapi mampu menggerakkan karakter-karakter Kre-O yang dilekatkan pada

papan khas yang berbentuk seperti papan luncur yang dikenali sebagai motion bricks. Karakter-karakter ini seterusnya akan bergerak secara rawak pada papan yang biasa. Di antara model yang terlibat adalah Marina Madness dari siri Cityville Invasion, yang boleh menunjukkan pergerakan kejar-mengejar di antara pemangsa (manusia) dan mangsa (jerung), ataupun sebaliknya. Teknologi ini dipamerkan di luar kotak model berkenaan, seperti tertera di Rajah 15.



Rajah 15: Sonic motion dalam siri Cityville Invasion
Sumber: Mail4rosey.com (2013)

2.0 KESIMPULAN DAN KAJIAN MASA HADAPAN

Kertas kerja ini telah membentangkan secara ringkas tentang perkembangan pengeluaran dan keistimewaan pada rekabentuk (asas dan kompleks) Kre-O. Secara umumnya, Hasbro telah memulakan langkah yang berani apabila memasuki pasaran permainan berasaskan blok yang dimonopoli Lego selama ini. Percubaan pertama lebih singkat dan terhad kepada dua siri sahaja. Manakala percubaan kedua pula, mampu bertahan untuk selama tujuh tahun. Inovasi dalam rekabentuk menjadikan Kre-O berbeza berbanding Lego. Biarpun terhad kepada beberapa jenis karakter dan lebih banyak bergantung kepada jenama Transformers, percubaan ini harus dipuji bagi memberikan lebih variasi dan pilihan kepada penggemar-penggemar permainan blok di seluruh dunia.

Dalam masa yang sama, diakui yang kertas kerja ini lebih bersifat pengenalan dan bersifat ringkas. Bagaimanapun, ianya masih mampu bertindak sebagai rujukan asas kepada industri permainan berasaskan blok, lebih-lebih lagi Kre-O yang sudah pun ditamatkan pengeluarannya. Justeru, kajian yang bersifat lebih analitikal dan mendalam, adalah dialu-alu kan di masa hadapan bagi menerangkan keunikan industri permainan ini yang bernilai berbillion-billion US Dollar. Dalam masa yang sama, permainan juga adalah di antara barangan pengguna yang mempunyai permintaan yang tinggi sama ada di waktu gembira mahu pun sedih bagi para penggemarnya di seluruh dunia.

RUJUKAN

Buildinguptosomething (2017). Review: Kre-O Transformers Optimus Prime brick box (B2963/B2312 asst.). Diambil 17 Mac 2019. <https://buildinguptosomething.wordpress.com/tag/kre-o/>

Cochran, J. (2013). Hasbro's investor report 2013. Diambil 15 Mac 2019. <https://toynewsi.com/12-19930>

Coleman, I. (2019). A strategic audit of oriental trading company. Tesis sarjana muda. University of Nebraska-Lincoln. Diambil 28 Mei 2019. <https://digitalcommons.unl.edu/honorsthesis/150>

- Griffin-of-oz (2014). Obscure series flashback - Built To Rule (before there was Kre-O). Diambil 20 Mac 2019. <https://www.tfw2005.com/boards/threads/obscure-series-flashback-built-to-rule-before-there-was-kreo.1002862/>
- Hansen, P. E. (2016). Valuation of Lego. Tesis sarjana. Copenhagen Business School. Diambil 28 Mei 2019. https://studenttheses.cbs.dk/xmlui/bitstream/handle/10417/5915/per_elsted_hansen.pdf?sequence=1
- Lego (2012). Timeline 1940 – 1949. Diambil 28 Mei 2019. https://www.lego.com/en-us/aboutus/lego-group/the_lego_history/1940
- Lmb3 (2014). Blog #809: Toy reviews: Transformers Kre-O custom kreons wave two (Cliffjumper, Dreadwing, Galvatron, Hound, Jazz, Predaking). Diambil 10 Mac 2019. <https://lmb3.net/2014/12/25/blog-809-toy-reviews-transformers-kre-o-custom-kreons-wave-two-cliffjumper-dreadwing-galvatron-hound-jazz-predaking/>
- Mail4rosey.com (2013) Kre-O cityville invasion marina madness building set. Diambil 14 Mac 2019. <http://www.mail4rosey.com/2013/12/kre-o-cityville-invasion-marina-madness.html>
- Mendez, R. (2019). Global educational toy industry 2019-2024 market size, share, analysis, top 21 manufacturers, trends, growth, demand and forecast report. Diambil 28 Mei 2019. <https://marketersmedia.com/global-educational-toy-industry-2019-2024-market-size-share-analysis-top-21-manufacturers-trends-growth-demand-and-forecastreport/490121>
- Openthetoy (2015). Kre-O Transformers Grimlock unleashed. Diambil 18 Mac 2019. <http://www.openthetoy.com/2015/01/kre-o-transformers-grimlock-unleashed.html>
- Owen, P. (2018). All 6 ‘Transformers’ movies ranked, worst to best, including ‘Bumblebee’. Diambil 28 Mei 2019. <https://www.thewrap.com/all-6-transformers-movies-ranked-worst-to-best-bumblebee/>
- Schmidt, G. (2015). Lego’s success leads to competitors and spinoffs. The New York Times. Diambil 28 Mei 2019. <https://www.nytimes.com/2015/11/21/business/legos-success-leads-to-competitors-and-spinoffs.html>
- Statista (2019). Toy industry - statistics & facts. Diambil 28 Mei 2019. <https://www.statista.com/topics/1108/toy-industry/>
- Tfwiki (2012). Constructicon (Kre-O). Diambil 17 Mac 2019. [https://tfwiki.net/wiki/Constructicon_\(Kre-O\)](https://tfwiki.net/wiki/Constructicon_(Kre-O))
- Thismamaloves (2011). Kre-O Transformers Autobot Ratchet set giveaway and discount code. Diambil 10 Mac 2019. <https://www.thismamaloves.com/kre-o-transformers-autobot-ratchet-set-giveaway-and-discount-code/>
- Toys.tfw2005 (2014). Bumblebee (Battle Changer). Diambil 10 Mac 2019. <https://toys.tfw2005.com/bumblebee-battle-changer-8118>
- Unclepetestoys (2018). Lego Creator - Robo Explorer. Diambil 14 Mac 2019. <https://www.unclepetestoys.com.au/lego-creator-robo-explorer/>